

Jual pisang goreng sebelum jadi doktor

PM kongsi kisah kemiskinan keluarga ketika penjajahan Jepun pada program Geng Pagi Hot

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Rohaniza Idris
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebelum menjadi doktor, Tun Dr Mahathir Mohamad pernah menjual pisang goreng dan kayu api untuk mencari pendapatan kerana keluarganya miskin ketika penjajahan Jepun.

Perdana Menteri menjual pisang goreng dan kayu api di Pekan Rabu di Alor Setar, Kedah antara 1942 hingga 1943 ketika usianya belasan tahun.

"Pekerjaan pertama saya ialah jual pisang goreng, jual di Pekan Rabu. Itu pekerjaan saya yang pertama. Pada masa itu zaman Jepun kita miskin, kita buat cara miskin. Kerja tidak ada. Saya belum jadi doktor masa itu.

"Selain jual pisang goreng, saya juga jual kayu api di Pekan Rabu," kata Perdana Menteri ketika di-

temubual secara eksklusif oleh Geng Pagi Hot (GPH), iaitu Shuk, Shuib dan Fizie.

Ketiga-tiga penyampai radio terbabit berpeluang bertemu dan menemubual pemimpin nombor satu negara itu di Pejabat Perdana Menteri pada 9 Oktober lalu. Rakaman temubual disiarkan di stesen radio berkenaan pada jam 6 pagi hingga 10 pagi semalam.

Pada zaman pemerintahan Jepun, keluarga Dr Mahathir terutama ibu bapanya, hilang punca pendapatan kerana dipaksa berhenti kerja dengan kerajaan.

"Abang saya berhenti kerja, saya tiada bekalan apa. Ibu bapa pun tidak dapat pencen, maka saya kena bekerja. Kerja masa itu tidak banyak, maka saya jual pisang goreng dan jual kayu api," kata Ahli Parlimen Langkawi itu.

Dr Mahathir mula berkhidmat sebagai pegawai perubatan sebelum 1954 dengan gaji RM400 sebulan dan selepas setahun sebagai 'houseman' (doktor pelatih), gajinya naik kepada RM730 sebulan.

Ketika berkongsi kenangan pada hari pertama membuka kliniknya, Klinik Maha di Alor Setar pada 1957, Perdana Menteri memaklumkan, pesakit yang mendapatkan rawatan hanya 10 orang.

"Klinik pun saya tumpang. Abang ipar ada bagi duit sikit dan kawan saya seorang peniaga, Haji Rejab, dia ada kedai dan saya sewa sebelah kedai dia," katanya.

Mengenai jadual hariannya, Dr Mahathir menjelaskan, beliau bangun sekitar jam 6.30 pagi dan selepas bersiap, akan ke pejabat pada jam 8 pagi serta terus bekerja sehingga malam.

"Biasanya saya ada temujanji dan kadang-kadang menghadiri majlis makan. Saya hadir bukan disuruh makan, tetapi (mereka) nak suruh beri ucapan dan ada yang nak tanya soalan. Itu pun dikira bekerja juga. Hampir setiap hari begitu," katanya.

Perdana Menteri turut berkongsi kisah beliau dibuli rakan sekolah yang juga jirannya ketika zaman kanak-kanak.

"Saya pernah dibuli. Saya beli belon, 2 sen dapat tiga belon. Saya jual satu belon (harga) 1 sen. Jadi, kawan saya akan bawa saya ke kantin dan saya kena beli nasi daripada dia. Saya takut sebab dia kuat. Jadi dulu tu kadang-kadang kita kena bulillah," katanya.

Ditanya jika beliau masih mengenangi nama kawannya itu, Dr Mahathir memaklumkan, nama rakannya itu Husin yang juga anak jiran keluarganya.

Pada temubual eksklusif itu juga,



Dr Mahathir ditemubual secara eksklusif oleh penyampai radio Hot FM
(Foto Facebook Hot FM)

"Saya pernah dibuli. Saya beli belon, 2 sen dapat tiga belon. Saya jual satu belon (harga) 1 sen. Jadi, kawan saya akan bawa saya ke kantin dan saya kena beli nasi daripada dia. Saya takut sebab dia kuat. Jadi dulu tu kadang-kadang kita kena bulillah.

***Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri***

Dr Mahathir memberitahu, beliau masih berhubungan dengan dua rakan lamanya yang kini menetap di Kedah jika berkesempatan balik kampung.

Katanya, tidak ramai rakannya pada zaman persekolahan yang masih hidup.

"Semua kawan lama saya dah meninggal. Cuma ada dua orang, seorang (umur) 95 lebih, tapi yang seorang lagi kurang sihat dan tidak begitu aktif, manakala seorang lagi selalu jadi bilal," katanya.

Yang turut dikongsi kepada Geng Pagi Hot FM adalah lagu kegemarannya, dendangan P Ramlee, tetapi Perdana Menteri memaklumkan, beliau tidak ingat tajuk lagu dinyanyikan seniman itu.